

Kebangkitan semula Umno

Oleh SHARIFFUDIN MOHAMED,
ROSLI ABDUL JALIL dan SARIHA
MOHD ALI

BH - 2 APR 2000

TEMERLOH: Pemimpin Barisan Nasional (BN) menyifatkan kejayaan BN mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang menerusi calonnya, Redzwan Harun, membuktikan bahawa Umno dan BN tetap menjadi pilihan rakyat.

Kemenangan itu juga menandakan pemulihan dan kebangkitan semula Umno dan BN, selepas pelbagai spekulasi dan andaian dibuat terhadap kedudukan parti tunjang BN itu dan kepemimpinan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kejayaan Redzwan secara tidak langsung memberi kesan di peringkat nasional kerana pilihan raya kecil itu adalah yang pertama selepas pilihan raya umum ke-10, November lalu.

“Saya bangga dengan kejayaan cemerlang BN dalam pilihan raya kecil ini, malah ia menjadi titik permulaan ke arah pemulihan Umno dan BN di peringkat nasional, khususnya di Pahang.

“Ini kerana pelbagai spekulasi dan andaian dibuat terhadap kedudukan Umno dan BN serta kepemimpinan negara sebelum ini. Kemenangan Redzwan membuktikan Umno dan BN masih menjadi pilihan rakyat,” katanya.

Najib berkata, semua pihak perlu menjadikan kejayaan ini sebagai bukti bahawa hanya Umno dan BN yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri,